

# MPK digesa batalkan caj beriadah di Teluk Tongkang

SINAR HARIAN 22/2/2017

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) diminta membatalkan atau menarik balik kadar caj bayaran dikenakan untuk berkelah dan beriadah di Teluk Tongkang, Teluk Chempedak, di sini.

Penyelaras Angkatan Pembela Rakyat (Angkara), Mohd Shukri Mohd Ramli @ Jamaluddin berkata, pengunjung masih tidak mengetahui mengenai caj tersebut, kerana ia tidak pernah memaklumkan secara rasmi atau menyediakan papan tanda makluman mengenainya.

"Saya difahamkan pengunjung di-

kenakan bayaran RM5 sehingga RM30 kepada kumpulan yang mahu berkelah atau mahu mengadakan jamuan BBQ di lokasi terbabit. Bayaran itu dikenakan kerana caj perkhidmatan termasuk keselamatan dan kemudahan disediakan.

"Ramai yang tidak tahu dan mereka tertanya-tanya. Kenapa perlu dikenakan bayaran kepada pengunjung yang mahu berkelah di pantai ini.

"Bukankah MPK sepatutnya menyediakan kemudahan kepada orang awam, dan ia tidak perlu dicaj seolah-

olah kawasan terbabit milik persendirian," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Shukri berkata, ini adalah satu tindakan tidak adil kepada pengunjung yang sudah membayar pelbagai cukai kepada PBT terbabit.

"Bayangkan selepas beberapa tahun (2014) hingga sekarang, orang ramai tidak tahu menahu tentang perkara ini. Maka itu, rasional mengenakan caj bayaran kepada pengunjung ke lokasi ini amatlah tidak sesuai dalam usaha menarik pelancong ke negeri ini," katanya.